

3 Julai, 1981

# Ikhtisar MIC k-sama dengan pucuk pimpinan UMNO

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

**KUALA TRENGGANU.**  
Jumaat — MIC berikhtisar memberi kerjasama penuh kepada Presiden dan Timbalan Presiden UMNO yang baru dipilih.

Presiden parti itu, Datuk S. Samy Vellu berkata, MIC akan memberi sokongan sepenuhnya dengan semangat persaudaraan tulus Barisan Nasional.

MIC sangat gembira. Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan Datuk Musa Hitam dipilih menangi jawatan penting itu di perhimpunan agung UMNO ke-32 baru-baru ini.

Datuk Samy Vellu memberitahu demikian selepas merasmikan Persidangan Perwakilan Tahunan Keenam MIC Negeri Trengganu di sini, hari ini.

Pada masa yang sama, MIC juga ingin merakamkan terima kasih dan penghargaan kepada Perdana Menteri, Datuk Hussein Onn, kerana dedikasinya memimpin negara dan rakyat, jelaanya.

Kata beliau, Datuk Hussein akan terus kekal dalam sejarah Malaysia sebagai seorang pemimpin negara yang berdisiplin, dikasihi dan ditaati oleh rakyat berbilang kaum.

Datuk Samy Vellu, yang juga Menteri Kerjasama dan Kemudahan Awam memberitahu, beliau akan datang lagi ke Trengganu bulan depan untuk membincangkan projek membina jalan di negeri itu.

Bellau akan mengadakan perbincangan dengan Menteri Besar, Datuk Amar Haji Wan Mokhtar Ahmad, khususnya mengenai rancangan Jalanraya Bukit Kijal sebelum membuat persiapan akhir kepada rancangan tersebut. — Bernama.